

Earth Hour 60+: UMS padam lampu demi masa depan cerah

UB 2.4.2019 410

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Exco Keusahawanan dan EcoCampus, Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2018/2019, Pusat Pengurusan EcoCampus dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar turut sama menjayakan program Earth Hour 60+ 2019.

Bertempat di Padang Kawad UMS, kira-kira 1,000 orang dari kalangan pelajar dan kakitangan UMS serta orang awam turun padang bagi sama-sama menjayakan program itu, yang menyaksikan lampu di dalam kampus dipadamkan selama sejam bermula jam 8.30 sehingga 9.30 malam.

Pemangku Pengarah Pusat Pengurusan EcoCampus UMS Kueh Boon Hee @ Kelvin berkata, program tahunan itu bermatlamat memberikan kesedaran umum kepada warga UMS, khususnya para pelajar mengenai kepentingan pengurangan penggunaan

tenaga dan penggunaan tenaga secara lestari dalam kegiatan sehari-hari.


Selain itu, sebagai perkongsian ilmu dan kemahiran berkaitan usaha mengatasi pemanasan global dan perubahan iklim di samping memupuk semangat tanggungjawab bersama yang utuh sesama para pelajar UMS dalam menjaga Bumi ke arah suatu masa depan yang lestari untuk semua.

“Adalah amat mustahak untuk kita semua menjaga alam semula jadi dengan sebaik mungkin kerana nilai dan rangka minda pembangunan lestari sudah menjadi salah satu kualiti terbaharu yang paling dikehendaki daripada para graduan universiti, khasnya oleh syarikat gergasi multinasional.

“Usaha ini juga adalah selari dengan Agenda EcoCampus UMS yang berpaksikan lima nilai teras dan enam elemen utama berkisarkan hasrat untuk menjadikan



KAMISAH (tengah) merasmikan program Earth Hour 60+ peringkat UMS.



PARA pelajar UMS menyalaikan lilin simbol 60+ sewaktu pemadaman lampu selama sejam.

pengurusan, amalan operasi dan pengalaman kampus,” katanya.

Sementara itu, Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) UMS Kamisah Husin berkata, JHEP sentiasa menyokong program bermanfaat sebegini yang mampu memberi pemahaman yang mendalam kepada pelajar terhadap objektif pengajuran program itu.


“Penglibatan aktif para pelajar juga penting dalam memainkan peranan sebagai penyedia penyelesaian kepada pelbagai isu dan cabaran alam sekitar dewasa ini,” katanya.

UMS sebagai rujukan serantau dan sedunia dalam pengawasan alam sekitar melalui kecemerlangan dalam pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, pembangunan infrastruktur,

Beberapa acara menarik menjadi pengisian pada program itu, antaranya persembahan ‘Yoga Under The Stars’ yang diketuai oleh JV Yoga Therapy Center Kingfisher, Senamrobik oleh Kolej Kediaman Tun Fuad dan Persembahan Busking Akustik oleh Kolej Kediaman Excellence.

Selain itu, pameran berkaitan kelestarian alam sekitar dan pembangunan lestari oleh beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) – Taiwan Buddhist Tzu Chi Foundation Malaysia, Little Feet Initiative (LiFe), Young Leaders For Sustainability (YL4S), AIESEC Malaysia (Sabah), dan Jawatankuasa Foundation for Environmental Education (FEE) UMS.

Turut diadakan acara penyediaan simbol besar ‘60+’ daripada lilin yang diperbuat menggunakan minyak masak terpakai dan diletak dalam bekas yang diperbuat menggunakan botol minuman plastik serta satu pagar sesat (maze) yang disediakan daripada botol minuman plastik dan kotak kertas terpakai juga dipamerkan yang mana, kedua-duanya menarik perhatian ramai orang.



SEBUAH pagar sesat yang diperbuat daripada botol minuman plastik dan kotak kertas terpakai yang dipamerkan.